

Baghdad Madinah al-Salam (Kota yang Sejahtera)

Baghdad ibu kota Iraq, tempat bersemayam Khalifah Harun al-Rashid, khalifah dari pemerintahan Abbasiyah yang masyhur terkenal di zaman keemasan di mana Tamadun Islam meningkat ke mercu yang setinggi-tingginya.

Baghdad itu pulalah yang dibina kotanya yang bundar pada tahun 145 Hijrah (426 Masihi) oleh Khalifah Abbasiyah yang kedua bernama Abu Ja'far al-Mansur - nenda kepada Harun al-Rashid. Al-Mansur telah menggelarkan kota tersebut "*Madinah al-Salam*" ibu kota yang sejahtera. Mungkin tepat nama itu bagi kerajaan Abbasiyah kerana dapat memerintah dan memusatkan pemerintahannya di sana sebagai ibu kota negara Islam selama lebih lima kurun, dari tahun 132 Hijrah hingga tahun 656H. Oleh khalifah-khalifah Abbasiyah yang jumlahnya sebanyak 37 orang, kerana dapat menyaingi kerajaan-kerajaan Islam lain yang sezaman dengannya seperti; Kerajaan Bani Umayyah (138H- 422H) yang berpusat di Cordova (Qurtubah) Sepanyol, Kerajaan Banu al-Nasr atau Banu al-Ahmar, (629H-897H) yang berpusat di Granada (Gharnatah) Sepanyol, Kerajaan Fatimiyyah (297H-657H) yang berpusat mula-mula di Kairouan di Afrika Utara kemudian berpusat di Kaherah Mesir dan kerajaan-kerajaan Islam yang lain.


"*Eyvān-e Kasra*" atau Balairong Seri, peninggalan lama dari kerajaan Parsi, 38 kilometer dari Baghdad masih tersergam menantikan kunjungan para pelawat yang akan menyaksikan keagungan kuasa-kuasa pemerintah zaman Bahari di negeri Baghdad sejak beribu tahun yang lalu.

Dan nama "Baghdad" itu telah diberikan oleh orang-orang Parsi di zaman dahulu kala. Nama yang tersusun dari dua suku kata iaitu "*bagh*" ertinya kebun, dan "*dad*" nama kepada berhala yang dijadikan Tuhan oleh orang-orang Parsi, sehingga bererti Baghdad itu "*perkebunan berhala*" mengikut bahasa Parsi.

Tetapi dakwaan ini telah disangkal oleh ahli sejarah dengan alasan, bahawa nama "*Baghdad*" itu telah pun ada dijumpai di masa yang lampau pada bekas-bekas peninggalan lama Kerajaan Hammurabi yang memerintah negeri itu pada tahun (1686 - 1728 Sebelum Masihi) dengan nama "*Baghdadu*".

Memang tidak dapat disangkal lagi nama Baghdad sudah pun terpakai sebelum zaman Hammurabi. Yang bermakna juga sebelum negeri itu ditakluki oleh Kerajaan Parsi.

Setengah ahli sejarah sekarang ini lebih setuju



mengatakan, bahawa kalimah Baghdad itu berasal dan diambil dari Bahasa Aram suatu bahasa yang hidup sezaman dengan Bahasa Semit dan masih terpakai sehingga sekarang oleh 200,000 orang di sekitar Lubnan Syria.

Mengikut Bahasa Aram, Baghdad tersusun dari suku kata “ba” kependekan dari kalimah “bait” ertinya rumah “kedada” ertinya kambing, sehingga menjadi “bkdada” yang bererti rumah kambing.... Ini ialah kerana di sana dahulu terdapat pasar tempat orang memperniagakan kambing, jadi mungkin nama itu terambil dari nama pasar tersebut.

Baghdad Mempunyai Fonetik Lebih Dari 10 Macam

Pertelingkahan ahli sejarah bukanlah setakat mengenai nama sahaja, tetapi juga mengenai sebutannya (fonetiknya); ada yang menyebutkan *Baghdadh*, *Baghdhadh*, *Baghdan*, *Baghdam* dan bermacam-macam lagi yang tak kurang dari 10 macam bunyinya - ini mungkin mengikut macamnya loghat atau telor bangsa yang mendiaminya di sana sejak berpuluh kurun.

Baghdad Dahulu Dan Sekarang

Itulah Baghdad yang dahulu dan yang sekarang. Baghdad yang telah berubah-ubah sebutan dan berubah-ubah pemerintahannya. Baghdad yang diperintah oleh Kerajaan Babylon (tahun 2000 sebelum masihi), Hamurabbi, Parsi, Iskandar Zulkarnain (tahun 331 Sebelum Masihi). Dan sebelum kedatangan agama Islam telah diperintah lagi oleh kerajaan Parsi, kemudian direbut oleh Islam di zaman al-khulafa’ al-Rashidin, kemudian diperintah oleh Bani Umayyah, Abbasiyah, Banu Buwaih, dan berlaku peristiwa penyembelihan beramai-ramai yang dahsyat yang dilakukan oleh Bangsa Mongol iatu askar-askar Raja Hulagu.

Baghdad telah diserang oleh tentera-tentera Hulagu pada 5 Safar 656H. (1258M.) dan dikepung sehingga beberapa lama yang akhirnya Khalifah al-Mu’tasim Billah menyerah kalah.

Field Marshal ‘Abd ul-Salam Mohammed ‘Arif sedang menunaikan kewajipannya terhadap Tuhannya.





President Gamal Abdel Nasser dan 'Abd ul-Salam 'Arif pemimpin Republik Iraq yang baharu - gambar kedua pemimpin ini diambil sebaik-baik sahaja meletus pemberontakan ke atas kerajaan beraja di Iraq pada tahun 1958.

Lalu berlakulah penyembelihan yang kejam, tak mengenal lelaki atau perempuan, tua atau muda, hinggakan kanak-kanak kecil dan binatang-binatang yang tak berdosa pun mereka bunuh. Sehingga kota Baghdad penuh dengan bangkai manusia sampai ke lorong-lorong yang kecil, penyembelihan masih diteruskan sehingga mengambil masa 40 hari.

Kerana banyaknya bangkai, kuda berjalan di atas bangkai manusia. Dan kerana banyaknya kitab-kitab yang berisi berbagai-bagai ilmu pengetahuan telah di bakar oleh askar-askar Hulagu dan dibuangkan ke dalam Sungai Tigris (Dajlah) hingga air

sungai itu berwarna hitam, dan kuda-kuda yang menyeberangi sungai itu dapat melalui di atas timbunan kitab-kitab yang dibuangkan di situ.

Adalah diceritakan sebahagian sisa-sisa kitab tersebut telah hanyut ke muara Sungai Dajlah itu yang sebahagiannya dapat dipungut oleh orang-orang Eropah yang berdagang ke Teluk Parsi dengan kapal-kapalnya. Kitab-kitab tersebut telah mereka bawa ke Eropah untuk disimpan di dalam perpustakaan mereka.

Jumlah mayat yang bergelimpangan ditaksirkan oleh ahli sejarah antara 80,000 dengan 800,000 orang - sehingga kota Baghdad diliputi oleh udara yang sangat busuk yang sangat membahayakan. Sedang yang masih hidup pula terancam oleh wabak penyakit. Mereka setengahnya terpaksa meminum air yang bercampur bangkai. Maka kerana itu pulalah Hulagu menyingkirkan diri dari Baghdad takut dijangkiti penyakit pada 14 Safar 656H yang tercatat pada tarikh itu pulalah terbunuhnya Khalifah al-Mu'tasim Billah.

Kemudian Baghdad telah dikuasai oleh kerajaan Turki (1638M.) dan selepas Perang Dunia Pertama (1918) dikuasai oleh Inggeris, kemudian menjadi Pemerintahan Beraja (1927) Malik Faisal Pertama - sebagai pengasas kerajaan Iraq. Kerajaan beraja ini telah berakhir pada tahun 1958 di mana cucunya iaitu Malik Faisal Kedua terbunuh- dalam pemberontakan rakyat terhadap kekejaman kerajaannya yang dipimpin oleh Menteri Nuri al-Said dan bapa saudaranya al-Amir Abd al-illah.

Tarikh 14 Julai 1948, adalah merupakan tarikh pembebasan rakyat Iraq dari pemerintahan beraja yang terakhir - digantikan dengan pemerintahan republik yang diketuai oleh Jeneral Abd al-Karim Qasim sebagai *Presidentnya*.

Rakyat Iraq yang mencintai kemerdekaan itu rupanya setelah terlepas dari mulut buaya (14.7.1958) termasuk pula ke mulut harimau. Kerana pemerintahan Jeneral Abd al-Karim Qasim ialah pemerintahan diktator yang kejam yang pro-komunis.

Akhirnya rakyat memberontak pula kepadanya dan membunuhnya, iaitu pemberontakan yang dilakukan pada pagi Jumaat 14 Ramaḍān 1382 bersamaan dengan 8 Februari 1963 yang lalu, sehingga mayatnya - setelah dijatuhi hukum tembak - dapat disaksikan oleh rakyat menerusi alat televisi¹.

Rahsia Kerajaan Diktator Abd al-Karim Qasim

Sebenarnya mendiang kerajaan Qasim di Iraq, bukanlah merupakan sebuah kerajaan diktator yang diperintah oleh Jeneral Qasim seorang diri. Qasim hanyalah patung yang dikotak-katikkan oleh beberapa batang telunjuk dari sekawan pengganas yang kejam yang *opportunis* dan pro-komunis yang hauskan darah bangsa Iraq sendiri. Mereka berselindung di sebalik tanda tangan Qasim yang sewaktu-sewaktu dapat mereka gunakan untuk menyampaikan kekejaman-kekejaman mereka terhadap rakyat. Qasim seorang Jeneral yang tolol kerana dapat dipergunakan oleh orang-orang komunis yang lebih pandai daripadanya sebagai boneka, yang menghantui tanah airnya sendiri mengkhianati rakan-rakan seperjuangannya seperti Abd ul-Salam ‘Arif ketika menggulingkan perintahan² beraja dahulu telah bersumpah dengan Qur’ān akan bersatu dengan Mesir dan Syria menubuhkan persatuan Arab yang teguh dan kuat secepat mungkin. Tetapi dia telah belot, khianat dan bermaharajalela melakukan kekejaman sewenang-wenangnya. Abd ul-Salam ‘Arif telah dipenjarakannya, rakan-rakan lain yang setia terhadap tanah air telah diseksanya dan dibunuhnya. Dia telah menjatuhkan hukuman tembak ke atas 4 orang penerbang Iraq pada bulan Ramaḍān 1959 - bulan yang berkat - dengan tidak mahu menanguhkannya, akhirnya sampailah gilirannya dia ditembak dan terguling tahun ini di bulan Ramaḍān juga.

Ahmed Salah al-Abdi bekas ketua turus tentera Iraq - salah seorang diktator yang berselindung di sebalik tanda tangan Abd al-Karim Qasim untuk menyampaikan kekejaman ke atas rakyat Iraq.



¹ Perkataan sebenarnya adalah televisyen

² Perkataan sebenarnya ialah pemerintahan



Al-Mahdawi pereka undang-undang kerajaan diktator yang tak perlu mempunyai kelulusan undang-undang.

Ahmed Salah al-Abdi

Komplot yang sangat berpengaruh dalam kerajaan diktator itu diantaranya ialah Brigedier Ahmed Salah al-Abdi sebagai ketua turus tentera Iraq yang kerap menggunakan nama Qasim untuk menyampaikan perompakannya dan kekejamannya. Dia masih hidup sekarang ini. Dan ditahan oleh kerajaan Iraq yang dipimpin oleh Abd ul-Salam 'Arif yang menjadi Presidennya sekarang ini, dan tentunya Salah al-Abdi hanya menunggu saatnya ditembak mati sebagai rakan-rakannya yang lain yang telah mati ditembak atau tertimbus oleh runtunan tembok bangunan Kementerian Pertahanan yang dijadikan pertahanan akhir oleh Qasim dan komplotnya ketika tentera yang memberontak menyerang dan megebom bangunan tersebut dalam masa yang tak sampai sehari lamanya.

Fadhil Abbas al-Mahdawi

Orang yang kedua ialah Fadhil Abbas al-Mahdawi saudara sepupu Qasim, dialah pencipta utama yang

membentuk undang-undang kerajaan diktator dan pereka gelaran-gelaran untuk Qasim yang menyebutkan Qasimlah penganjur yang ulung, penganjur yang dipercayai, dan penyelamat yang agung dan lain-lain. Dialah seorang tokoh yang mengaku tidak payah belajar undang-undang, kerana orang yang bijaksana dan pandai cendakia seperti dia tidak perlu masuk sekolah dan mendakwakan dirinya pandai membaca isi hati orang-orang yang ditohmahnya dan yang ditangkapnya hanya dengan menerusi ilmu firasatnya sahaja. Begitulah jawapan kepada wartawan-wartawan luar negeri ketika menginterbiunya³ dari mana ia lulus undang-undang.

Taha al-Sheikh Ahmad dan Wasfi Tahir

Kedua-duanya tokoh yang mempunyai hobi atau kegemaran untuk merekakan penyeksaan terhadap rakyat Iraq yang tidak berdosa dengan bermacam-macam gaya dan cara penyeksaan.



Wasfi Tahir pakar di dalam menyiksa dan mematikan orang secara lambat-lambat.

³ Perkataan yang sebenarnya ialah menginterviewnya.

Taha al-Sheikh Ahmad sebagai Pengarah Perancangan Perang, merangkap Jabatan Pemberita. Keselamatan rakyat adalah di dalam pengawasannya dan di bawah rahmatnya - yang boleh disamakan dengan Gestapo Nazi di zaman Hitler. Dialah yang menahan, menyeksa, membunuh. Dan mangsa-mangsa yang diseksanya itu ada yang diselar-selar tubuh badanya, diputuskan kepalanya atau kakinya; ditelanjangi kemudian digantung di atas pohon-pohon kayu dan di tiang-tiang lampu di jalan-jalan raya supaya dipersaksikan oleh rakyat.

Wasfi Tahir selain dari pembunuh yang kejam yang memamatkan mangsanya secara lambat-lambat juga sebagai pengkhianat yang ulung dan berbahaya kerana pandainya bermuka-muka. Dahulu sebagai pengawal peribadi Nuri al-Said pada masa kerajaan Faisal Kedua, dan selepas itu pula sebagai pengawal peribadi Qasim. Kedua-duanya telah dihukum tembak pada hari kedua selepas pemberontakan 14 Ramadhan itu meletus.

Demikian sebahagian kisah komplot pengganas-pengganas kejam yang mengemudikan kerajaan diktator Jeneral Abd al-Karim Qasim di Iraq yang telah tamat riwayatnya itu pada 14 Ramadhan yang lalu.

Harapan

Kota Baghdad yang bersejarah sekarang telah mulai bersinar kembali dengan pimpinan presiden Abd ul-Salam 'Arif. Dan diharapkan pemimpin yang telah dapat meningkat dari ruangan penjara ke kerusi pemerintahan republik itu dapat mengembalikan kesejahteraan dan keagungan sejarah Baghdad *Madinah as-Salam* itu bersempenakan dengan orangnya yang bernama Abd ul-Salam pula - kota yang sejahtera akan dipimpin oleh pemimpin yang sejahtera pula.

Ini adalah menjadi harapan seluruh umat Islam yang sudah bosan melihat kerajaan-kerajaan Islam di timur tengah saling bercakar-cakaran, saling berdengki-dengkian, berpecah belah yang telah melemahkan tenaga perjuangan mereka menghadapi musuh-musuh mereka terutama pemerintahan Yahudi di Palestin yang menjadi duri dalam daging semenjak dipaksakan

penubuhan oleh kuasa penjajah dan pemodal-pemodal pada tahun 1946 dahulu.

Dan alangkah menggembirakan pula bila kita dengar berita yang menyatakan bahawa pada jam 1 pagi hari Rabu tanggal 17 April 1963 (13 Dhu al-Qa'idah 1382) yang lalu telah terbentuk "Persatuan Arab yang baru" yang terdiri dari tiga kerajaan iaitu Mesir, Iraq dan Syria, di Kaherah- yang ditandatangani oleh Gamal Abdel Nasser Presiden Mesir, Mejar Jeneral Lu'ay al-Atassi Pengerusi Majlis Pemberontakan Kebangsaan Syria dan Brigedier Ahmed Hassan al-Bakr Perdana Menteri Iraq.

Penubuhan "Persatuan Arab yang baru" itu telah menarik perhatian dunia Islam, terutama jika dapat pula bergabung di dalamnya Republik Yaman dan Republik Algeria yang telah diwar-warkan akan turut menyertainya.

Buku-buku Pelajaran

Surat Menyurat (Jawi)	\$1.80
Sejarah Ringkas Nabi Muhammad	1.20
Panduan Membaca Dan Menulis Jawi	1.50
Baca 1	1.00
Pelajaran Sembahyang I	1.20
Pelajaran Sembahyang II	
Mengenai Imam Makmum, Masbuk dan Seumpamanya	1.20
Mari Sembahyang (Lelaki)	1.20
Mari Sembahyang (Perempuan)	1.20
Pesanan tambah 10 sen belanja pos	